

DATE: 4 / 12 / 2009

# Usah politikkan GST: Najib

## Pelaksanaan cukai perkhidmatan, barang atasi kejatuhan perolehan

BH - 4/12/09

Oleh Mohd Anwar Patho  
Rohman  
wananwar@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak meminta semua rakyat supaya tidak mempolitikkan langkah kerajaan melaksanakan cukai perkhidmatan dan barangan (GST).

Perdana Menteri menegaskan pelaksanaan GST bertujuan membantu mengukuhkan kedudukan negara dan mengatasi kejatuhan perolehan cukai yang dipengaruhi kekurangan rizab minyak.

"Matlamat kita bukan mengenakan cukai terhadap barangan keperluan asas dan perkhidmatan tetapi untuk memperluaskan asas perolehan bagi membolehkan kita tidak terlalu bergantung kepada satu sektor saja (minyak) untuk menjana pertumbuhan masa depan," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Persekutuan Pembuatan Malaysia (FMM) di sini, malam tadi.



**NAJIB bersalaman dengan Naib Presiden FMM, Tan Sri Clifford Francis Herbert yang menyambut ketibaannya pada majlis makan malam FMM di sebuah hotel di Kuala Lumpur, malam tadi.**

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sentiasa berusaha mencari langkah baru bagi meningkatkan daya saing dan amalan pengurusan kewangan yang sihat.

"Kebenarannya ialah hampir semua pendapatan dan pertumbuhan negara banyak bergantung kepada perolehan hasil minyak yang akhirnya punca pendapatan ini akan hilang perlahan-lahan

apabila sumber petroleum habis," katanya.

Sementara itu kata Perdana Menteri, beliau percaya Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan pulih pada 2010 dan menjadi testimoni kepada kekuatan negara.

"Pertumbuhan tahun depan ternyata sekali adalah cita-cita, terutama ketika bajet defisit. Saya percaya kita mampu meningkatkan satu atau dua peratus tambahan

daripada sektor swasta.

"Walaupun ia tidak mudah, saya berpendapat kita mampu mencapai sasaran itu," katanya

Najib juga berkata, beliau gembira langkah dilaksanakan bagi melindungi Malaysia daripada kejatuhan ekonomi dan pada masa sama mampu pulih dengan pantas.

"Suka saya mengatakan kejayaan mencapai matlamat itu (melindungi dan memulihkan ekonomi) adalah melalui suntikan pakej rangsangan ekonomi serta dasar liberalisasi perdagangan diperkenalkan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan dan pembangunan sektor pembuatan begitu kritikal kepada kejayaan dan pembangunan masa depan Malaysia.

Katanya, semua pihak dalam sektor pembuatan perlu bekerjasama dan meneruskan langkah melabur serta menyokong dasar kerajaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi.